

PEMURNIAN SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM PENGAJIAN PASCASISWAZAH

*Bahagian Rekrutmen & Kemasukan Mahasiswa (SRAD)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*

15 April 2020

TUJUAN KERTAS KERJA

Memohon kelulusan dan perakuan Senat mengenai cadangan pemurnian syarat kemasukan dan syarat kompetensi Bahasa Inggeris ke program pascasiswazah.

LATARBELAKANG



Enrolmen Pelajar Antarabangsa telah meningkat, dan UTM harus berganjak dari Fasa I (*Mass Intake*) ke Fasa II (*Quality Intake*) dan pada yang sama membuka peluang lebih besar untuk pengajian pascasiswazah sebagai pasaran *life-long learning*.





Pemurnian Syarat Bahasa Inggeris perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti ambilan dari aspek penguasaan Bahasa Inggeris pelajar antarabangsa.



Bagi meluaskan *recruitment funnel* dan sesuai dengan konsep *Life-long Learning* di peringkat pascasiswazah, syarat kemasukan perlu di setarakan dengan syarat yang ditentukan MQA.

INTERNATIONAL ENROLMENT 2011-2020





RUJUKAN KELULUSAN SENAT

- Kertas Kerja Senat **Bil. 01/2018/2019/05** - Pemurnian Syarat Kemasukan Ke Program Pengajian Siswazah Untuk Meningkatkan Calon Pengajian Siswazah Sepanjang Hayat (diluluskan pada 19 September 2018)
- Kertas Kerja Senat **Bil. 4/2018/2019/11**- Pemurnian Syarat Bahasa Inggeris Bagi Kemasukan Pelajar Antarabangsa (diluluskan pada 12 Disember 2018).

CADANGAN 1 - PENSETARAAN KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA DENGAN SYARAT KEMASUKAN MINIMUM YANG DITENTUKAN OLEH MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY (MQA)

Membenarkan golongan profesional (*working professional*) lepasan ijazah sarjana muda dengan PNGK kurang dari 2.5 serta mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan untuk mengikuti program Sarjana di UTM **tanpa menghadkan PNGK minima 2.0.**

Membuka peluang kepada lebih ramai golongan profesional untuk mengikuti program pasca siswazah di UTM termasuk lepasan universiti atau institusi yang membenarkan syarat bergraduat dengan PNGK di bawah 2.0 seperti universiti di Nigeria, Saudi Arabia, dan Maldives yang menggunakan syarat bergraduat 2.0 daripada skala 5.0 (setaraf dengan PNGK 1.6/4.0).

Cadangan Pelaksanaan: Ambilan Oktober 2020 (Semester 1, Sesi 2020/2021)

Pekeliling MQA



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE OFFICER
Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin,
46050 Petaling Jaya
SELANGOR

Tel: 603-7968 7002
Faks: 603-7956 9496
Laman Web: www.mqa.gov.my

Ruj. Kami : MQA 07/01 Jld.2 (24)

Tarikh : 19 Disember 2013

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 1/2013 – PINDAAN TERHADAP STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN (SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM IJAZAH SARJANA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta Pekeliling MQA Bil. 1/2013 Penggunaan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dengan no. rujukan MQA 07/Jld.3 (84) bertarikh 4 Mac 2013.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kertas Cadangan Penyelarasan dan Pindaan Syarat Kelayakan Masuk Program Ijazah Sarjana dalam Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Bil 07/2013 yang bersidang pada 26 November 2013.

3. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju syarat kelayakan masuk program ijazah sarjana yang baru adalah seperti berikut:

A. Ijazah sarjana secara kerja kursus

- i. Ijazah sarjana muda dengan PNGK minimum 2.50 atau yang setara dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT; atau
- ii. Ijazah sarjana muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.

B. Ijazah sarjana secara mod campuran dan penyelidikan

- i. Ijazah sarjana muda dengan PNGK minimum 2.75 atau yang setara dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT; atau
 - ii. Ijazah sarjana muda atau yang setara dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi; atau
 - iii. Ijazah sarjana muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.
4. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap syarat kelayakan masuk program ijazah sarjana yang baru ini berkuatkuasa bermula **1 Januari 2014**.

Sekian, terima kasih


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,


(DATO' DR SYED AHMAD HUSSEIN)
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7968 7044
No. Faks : 03-7956 9496
Emel : syedahmad@mqa.gov.my

CADANGAN Pindaan Syarat Kemasukan ke Program Sarjana Kerja (Kerja Kursus)



CADANGAN Pindaan Syarat Kemasukan ke Program Sarjana (*Mixed-mode & Penyelidikan*)



**CADANGAN 2 -
MEMANTAPKAN
SYARAT BAHASA
INGGERIS BAGI
PELAJAR
PASCASISWAZAH
ANTARABANGSA**



- **HANYA MENGGUNAPAKAI** syarat minimum Bahasa Inggeris skala B2 CEFR (*Common European Framework of Reference for Languages*) sesuai dengan Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi.



- **MEMANSUHKAN** syarat IELTS 5.5 (atau setaraf) dan 120 jam kursus Bahasa Inggeris sebagai syarat minimum Bahasa Inggeris.



- **MEMANSUHKAN** syarat IELTS 5.5 (atau setaraf) dan kursus *English for Postgraduate* (EPG) sebagai syarat minimum Bahasa Inggeris.



- **MEWAJIBKAN** syarat Bahasa Inggeris bagi pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda dan setaraf dari IPT Bangladesh (bagi kemasukan ke program Sarjana) dan Sarjana dan setaraf (bagi kemasukan ke program Doktof Falsafah)

- **Cadangan Perlaksanaan:** Ambilan Februari 2021 (Semester 2, Sesi 2020/2021)

CADANGAN SYARAT KEMASUKAN BARU BAHASA INGGERIS BAGI PASCASISWAZAH ANTARABANGSA

Memenuhi Syarat Minima *Common European Framework of Reference for Language (CEFR) aligned tests level B2*

IELTS Band 6.0 dan ke atas

TOEFL iBT score of 60 dan ke atas

Cambridge English Qualifications (CEQ) B2 First, C1 Advanced, C2 Proficiency Score of 169 dan ke atas

PTE Academic Score of 59 dan ke atas

Malaysian University Entrance Test (MUET) Band 4 dan ke atas

ELS Certified Intensive English Programme (CIEP) Level 108 dan ke atas

Pekeliling JPT



TIMBALAN KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
DEPUTY REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Ara 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706401
Faks (Fax): 603-88708842
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT/GS 1000-630 (4 I)
Tarikh: 9 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang sedia maklum, Surat Makluman Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris Kepada Pelajar Antarabangsa bertarikh 31 Julai 2019 telah menetapkan bahawa pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris, IPT boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- i. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di IPT berkenaan **tanpa had tempoh masa**, namun pelajar masih tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa; **DAN**
- ii. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.

3. Dimaklumkan bahawa penambahbaikan terhadap syarat pada Para 2 (i) telah ditambah baik. **Mesyuarat Bagi Membincangkan Tindakan Susulan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) Penambahbaikan Dasar Pengurusan Pelajar Antarabangsa Ke Institusi Pendidikan Tinggi Di Malaysia** pada 18 November 2019 telah bersetuju bahawa bagi pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris, IPT boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- i. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di IPT berkenaan **dengan had tempoh masa selama dua (2) tahun maksimum**; **DAN**

SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA

- ii. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris. **Jadual skor kesetaraan kompetensi Bahasa Inggeris** adalah seperti di **Lampiran 1**.


4. Pemakaian surat makluman ini **hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Makluman Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris Kepada Pelajar Antarabangsa bertarikh 31 Julai 2019**. Surat ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO'  IR. DR. MOHD SALEH JAAFAR)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Penyelidikan dan Antarabangsa)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
5. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Education Malaysia Global Services (EMGS)
6. SUSK YB Menteri Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pekeliling JPT (sambungan)

LAMPIRAN 1

SENARAI SKOR KOMPETENSI BAHASA INGGERIS BERDASARKAN CEFR

English Competency	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
MUET	Band 2	High Band 2	Band 3	Band 3	Band 4	Band 4
IELTS	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
TOEFL iBT	30-31	35	42	46	60	79
Pearson Test of English	36	43	47	51	59	63
Cambridge English Qualifications and Tests	140	147	154	160	169	176

KEPUTUSAN /KELULUSAN

Kertas kerja telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik (JKTS KKA) pada **15 April 2020**.

Mesyuarat Senat dengan segala hormatnya dipohon untuk memperakukan dan meluluskan Kertas Kerja Pemurnian Syarat Kemasukan dan Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris ke Program Pascasiswazah.